

30 APR 1998

Automasi

PERUNDINGAN MIGHT TAHUN INI TUMPUKAN KEPADA AUTOMASI DAN ROBOTIK

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Perundingan Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (Might) tahun ini akan ditumpukan kepada pengautomasian industri dan robotik bertujuan menjadikan industri negara lebih efisien dan kompetitif.

Pengerusi bersama Might, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman berkata hari ini perundingan tahunan ini yang dijadualkan pada 26 Mei ini akan juga menentukan sektor-sektor industri tertentu yang paling memerlukan automasi dan robotik.

"Kami akan mengenal pasti industri-industri berkenaan untuk membantu mereka meningkat dan memperluaskan automasi dalam proses pengeluaran," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat tahunan Might yang ketiga di sini.

Dr Omar, yang juga Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, berkata aktiviti-aktiviti lain untuk tahun ini ialah menyediakan laporan mengenai perumahan berkualiti, industri farmasi dan sistem jalan.

Dalam hubungan lain, beliau berkata Might telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan mengenai kertas biru pelaksanaan industri aero angkasa.

Selain dari itu, katanya Might juga telah mengemukakan lebih dari 40 sokongan mengenai hasil Dialog Perkongsian Pintar Negara yang diadakan awal bulan lepas.

Dr Omar berkata kumpulan itu juga akan terlibat dengan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika '98 di Namibia pada Julai ini yang akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dialog Antarabangsa Langkawi tahun ini dibatalkan bagi memberi laluan kepada dialog di Namibia.

-- BERNAMA

MAM WAT